

**NO. SOALAN: 91**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]**

**TARIKH : 9 JUN 2014**

**SOALAN :**

**Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah perancangan untuk menyediakan program pendedahan awal Bahasa Inggeris yang serius kepada kanak-kanak diperingkat usia 2 hingga 4 tahun sebagai sebahagian daripada program transformasi nasional.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Bahagian PERMATA, Jabatan Perdana Menteri melalui Program PERMATA Negara melaksanakan program asuhan dan didikan awal kanak-kanak kepada kanak-kanak yang berumur 4 tahun dan ke bawah. Di bawah program ini, satu Kurikulum Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak atau dikenali sebagai Kurikulum PERMATA telah digubal bagi digunakan oleh semua Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA), agar program asuhan dan didikan awal kanak-kanak yang diberikan kepada kanak-kanak di bawah umur 4 tahun adalah seragam, berkualiti dan berstandard. Sebelum ini, program asuhan dan didikan awal kanak-kanak yang disediakan oleh TASKA mengguna pakai kurikulum yang pelbagai dan kebanyakannya diambil dari luar negara contohnya Kurikulum Montessori, Kurikulum Reggio Emilia, Kurikulum High Scope dan lain-lain. Kepelbagaian pemakaian kurikulum di TASKA ini menyebabkan standard dan kualiti pembelajaran kanak-kanak tidak seragam.

Kurikulum PERMATA dibina sebagai teras untuk membina potensi individual kanak-kanak sebagai modal insan berkualiti melalui pendidikan awal kanak-kanak. Matlamat kurikulum adalah untuk mengembang kemahiran dan peribadi kanak-kanak yang terbaik agar lebih bersedia untuk memasuki alam persekolahan dengan memiliki 5 ciri-ciri yang ditetapkan. Antara ciri tersebut ialah mahir berkomunikasi yang merangkumi pemahaman Bahasa Inggeris mudah. Kurikulum PERMATA juga mempunyai bidang pembelajaran untuk

membantu perkembangan kanak-kanak dalam 6 aspek perkembangan antaranya Perkembangan Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal.

Kurikulum PERMATA menekankan penggunaan dwibahasa, iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dalam aktivitinya setiap hari. Kanak-kanak dipercayai boleh mempelajari pelbagai bahasa sejak kecil tanpa keliru dan lebih cepat boleh menguasai bahasa-bahasa yang selalu digunakan dalam berinteraksi dengan mereka.

Selaras dengan kaedah pembelajaran melalui belajar sambil bermain, pendedahan awal kepada Bahasa Inggeris dilaksanakan secara tidak formal. Pendidik akan memperkenalkan perkataan-perkataan atau ayat-ayat mudah dalam Bahasa Inggeris kepada kanak-kanak semasa sesi pembelajaran, sesi bermain, aktiviti luar. Selain itu rutin harian juga ditetapkan mengandungi sesi bercerita, nyanyian dan lain-lain. Kanak-kanak yang didedahkan seawal usia akan dapat menguasai kedua-dua Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris lebih cepat melalui aktiviti-aktiviti yang dirancang khas untuk mereka.

Sekian. Terima kasih.